

# SKALA KOMA GLASGOW: Lakukan dengan cara ini

Institute of Neurological Sciences NHS Greater Glasgow and Clyde



## PERIKSA

Untuk faktor-faktor yang mengganggu komunikasi, keupayaan untuk bertindak balas dan kecederaan lain



## PERHATI

Pembukaan mata, konteks pertuturan dan pergerakan dari sisi kiri dan kanan



## RANGSANG

Bunyi: rangsangan dengan suara atau jeritan

Fizikal: Tekanan di hujung jari, otot trapezius atau supraorbital notch



## NILAI

Menilai berdasarkan tindak balas tertinggi yang diperhatikan

### Pembukaan mata

Kriteria	Pemerhatian	Penilaian	Markah
Buka sebelum rangsangan	✓	Spontan	4
Selepas rangsangan dengan suara atau jeritan	✓	Kepada bunyi	3
Selepas tekanan di hujung jari	✓	Kepada tekanan	2
Tiada pembukaan langsung dan tiada gangguan oleh faktor lain	✓	Tiada tindak balas	1
Ditutup oleh faktor lain	✓	Tidak dapat diuji	TDD

### Tindak balas lisan

Kriteria	Pemerhatian	Penilaian	Markah
Nama, tempat dan tarikh dijawab dengan betul	✓	Berorientasi	5
Tiada orientasi tetapi masih dapat berkomunikasi	✓	Keliru	4
Hanya perkataan tunggal yang dapat difahami	✓	Perkataan	3
Hanya mengeluarkan bunyi/suara tanpa erti	✓	Bunyi	2
Tidak mengeluarkan bunyi walaupun tiada halangan	✓	Tiada tindak balas	1
Wujudnya faktor yang menghalang komunikasi	✓	Tidak dapat diuji	TDD

### Tindak balas motor terbaik


Kriteria	Pemerhatian	Penilaian	Markah
Mematuhi arahan yang terdiri daripada 2 bahagian	✓	Mematuhi arahan	6
Mengangkat tangan melebihi paras klavikel apabila kepala/leher dirangsang	✓	Mengenal pasti punca rangsangan	5
Membengkok siku secara cepat, dengan kebanyakan ciri-ciri yang normal	✓	Fleksi normal	4
Membengkok siku, dengan kebanyakan ciri-ciri yang tidak normal	✓	Fleksi tidak normal	3
Siku diluruskan	✓	Extensi	2
Tiada pergerakan di lengan/kaki tanpa faktor gangguan	✓	Tiada tindak balas	1
Lumpuh atau faktor yang mengehendkan pergerakan	✓	Tidak dapat diuji	TDD

### Lokasi-lokasi Untuk Rangsangan Fizikal

Tekanan di hujung jari

Cubit otot trapezius

Supraorbital notch



### Ciri-Ciri Tindak Balas Fleksi

Diubah suai dengan kebenaran daripada Van Der Naalt  
2004 Ned Tijdschr Geneesk

#### Fleksi Tidak Normal

Fleksi stereotaip yang perlahan  
Lengan menyeberangi dada  
Putaran tangan  
Ibu jari digenggam  
Extensi kaki



#### Fleksi Normal

Cepat  
Tidak tetap  
Lengan menjauhi badan

Untuk maklumat lanjut dan demonstrasi video, sila layani [www.glasgowcomascale.org](http://www.glasgowcomascale.org)